

Sukan

INFO SUKAN

TRIATHLON merupakan satu perlumbaan melibatkan pelbagai aktiviti sukan yang diadakan secara berterusan dan berurutan. Lazimnya ia melibatkan tiga jenis sukan seperti berenang, berbasikal dan berlari. Tujuan sukan ini ialah untuk menyelesaikan keseluruhan aktiviti sepantas yang boleh.



ePaper Pelita Brunei

KUMPUL DANA MELALUI VARSITY RUN 2021



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Julai. - Dalam memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, seramai 700 orang pelajar, termasuk para pegawai kanan, pensyarah, kakitangan daripada empat buah universiti, iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); dan Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai Varsity Run 2021, yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Fun Run / Walk 2.5 kilometer (km); dan Elite Run 18.75km.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan sesi pemanasan badan yang dipimpin oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Bagi Kategori Elite Run, larian dilepaskan

RA'ES KUPU SB, Naib Canselor UTB, Naib Canselor UBD dan Rektor UNISSA semasa menyertai Varsity Run 2021 (kiri), sementara gambar atas, antara yang menyertai sesi pemanasan badan pada acara tersebut.

oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi Kategori Fun Run / Walk dilepaskan oleh Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Varsity Run pada tahun ini diadakan sejauh 2.5km, iaitu sesuai dengan semua

lapisan usia. Manakala setiap institusi atau wakil-wakil berjalan sejauh 18.75km di sepanjang laluan BandarKu Ceria.

Program amal tersebut bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin serta mendorong masyarakat untuk menjalani gaya hidup sihat dan aktif.

Semua hasil daripada yuran pendaftaran dan sumbangan akan disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Palestin.

Samsul Zamri, Vanessa Gomez juara WTC



KETUA Kampung Lupak Luas, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar semasa bergambar ramai bersama para pemenang Waykana Trail Challenge (WTC) anjuran Begawan Athlete Enterprise (kanan). Sementara gambar kiri, antara yang ikut serta pada WTC tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Julai. - Samsul Zamri dan Vanessa Gomez berjaya memintas para peserta lain di barisan penamat, sekali gus menjuarai bagi Kategori Lelaki dan Wanita Terbuka Waykana Trail Challenge (WTC), hari ini.

Cabaran yang bermula dan tamat di Jalan Tarap Bau berdekatan Bukit Merikan itu juga menyaksikan Sefli Azhar memenangi bagi Kategori Veteran Lelaki dan Airince Liam bagi Veteran Wanita.

Dalam Kategori Terbuka Lelaki, Yohanes Ahh Oon hanya mampu memenangi di tempat kedua dan ketiga jatuh kepada

Ruzaidi Mahadi.

Wan Nor Amalina Haji Wan dan Zatul Zaini pula memenangi di tempat kedua dan ketiga bagi Kategori Terbuka Wanita.

Sementara itu, Chung Kwei Ming dan Haji Ibni Haji Nudin meraih naib johan dan tempat ketiga bagi Kategori Lelaki Veteran.

Tempat kedua dan ketiga Kategori Wanita Veteran pula dimenangi oleh Kim Chin dan Siti Fatimah.

Para pemenang membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND200 berserta pingat; BND150; dan BND100 bagi tempat kedua dan ketiga.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Ketua Kampung Lupak Luas, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar.

Seramai 217 peserta mengikuti WTC anjuran Begawan Athlete Enterprise yang dianjurkan bersempena memperkenalkan produk minuman tenaga Waykana (Waykana Energy Drink) yang baru dilancarkan dan tiba di negara ini.

Selain mempromosi produk yang berasal dari negara Amerika Selatan, iaitu Ecuador, cabaran sememangnya menggalakkan masyarakat ke arah melakukan aktiviti sihat dalam menguji ketahanan stamina dengan menelusuri trek sejauh lapan kilometer merentasi kawasan Taman Rekreasi Bukit Subok.

Adapun kandungan minuman tenaga Waykana diperbuat daripada daun guayusa yang hanya tumbuh di hutan Amazon dan mempunyai manfaat kesihatan, iaitu kaya dengan antioksidan dan bersifat anti-radang.

Sesuai dengan slogan 'Natural Healthy Energy Drink', tenaga sihat semula jadinya menampilkan empat perisa, iaitu *original*, *red fruits* serta dua jenis perisa tanpa gula, iaitu *light* dan *passionfruit mango*.

Produk Waykana diedarkan secara eksklusif oleh Begawan Athlete Enterprise di negara ini dan di Asia Tenggara.

Sebarang pertanyaan boleh mengikuti akaun media sosial Facebook : *Waykana Brunei* dan Instagram : *@waykana.brunei*.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA AMALKAN BUDAYA PEKERTI, TINGKAH LAKU MULIA

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam